

SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]
TARIKH :
SOALAN : 44

YB Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bahawa hospital sedia ada tidak lagi berkeupayaan menampung kemasukan pesakit yang pesat bertambah. Beliau memohon penjelasan Kementerian sama ada terdapat cadangan untuk membina hospital baru di Parlimen Nibong Tebal.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Sungai Bakap terletak 6.3km dari Nibong Tebal dan pada masa ini mempunyai kadar penggunaan katil atau BOR (*bed occupancy rate*, dengan izin) sebanyak 51.5% bagi keseluruhan katil berjumlah 105 katil dan masih mampu memberikan perkhidmatan perubatan kepada penduduk di Nibong Tebal.

Selain itu, KKM sedang menaik taraf Hospital Seberang Jaya (HSJ) yang terletak 31.2km dari Nibong Tebal yang dapat memberikan khidmat pakar.

Terdapat juga Hospital Bukit Mertajam yang terletak 29.2km dari Nibong Tebal.

Untuk makluman, konsep Hospital Kluster Seberang Perai juga melibatkan Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam dan juga Hospital Kepala Batas sebagai satu entiti. Melalui konsep ini, semua sumber sediaada seperti perkhidmatan kepakaran, peralatan sumber manusia serta kemahiran akan dapat digemblengkan untuk semua hospital yang terdapat dalam kluster ini. Berikutan pelancaran konsep kluster ini, penyediaan perkhidmatan khususnya kepakaran perubatan dan perubatan kecemasan telah dapat dimantapkan lagi di Hospital Sungai Bakap.

Oleh itu, buat masa ini belum ada keperluan untuk membina sebuah hospital baru di Nibong Tebal.

SULIT

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10091

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan kerjasama serantau dengan negara jiran dalam usaha memerangi kegiatan penyeludupan dan pengedaran pil kuda khususnya di Kelantan yang diseludupkan melalui Sungai Golok.

SULIT

SULIT

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius masalah pengedaran pil kuda khususnya di Negeri Kelantan. Semasa lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ke Kelantan pada Ogos 2016, *Key Performance Indicator* (KPI) kepada Ketua Polis Kelantan telah ditetapkan iaitu meningkatkan 50% kes tangkapan terhadap bekalan dan pemilikan pil kuda di Kelantan bagi tahun 2017.

Antara tindakan yang telah diambil oleh PDRM bagi membanteras pengedaran dan penyalahgunaan pil kuda di Kelantan adalah seperti berikut:

- a) menjalinkan kerjasama erat dengan *Police Narcotics Suppression Bureau dan Office of the Narcotics Control Board, Thailand* melalui mesyuarat dua hala, mesyuarat kerja dan operasi bersama;
- b) memperkasakan Unit Risikan Sempadan dengan menubuhkan unit di Rantau Panjang, Kelantan;
- c) mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;

SULIT

SULIT

- d) menjalankan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan di sempadan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) & Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);**
- e) memantau sepanjang Sungai Golok bersama Pasukan Polis Marin di kawasan Rantau Panjang ke Tak Bai; dan**
- f) menjalankan operasi berkala (seminggu sekali) dengan membuat sekatan jalan raya di kawasan sempadan serta pemeriksaan di pangkalan haram.**